

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI
PENGERUSI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA
ANJURAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

PADA 2 DISEMBER 2021

HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' IR MOHD. SHUHAIMI BIN HASSAN
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' IR. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN
SULAIMAN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID
KETUA EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HJ WAN
SULAIMAN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK/DATO'/TUAN AHLI LEMBAGA
PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN BIN ISMAIL
YANG DIPERTUA PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI
LEBUHRAYA MALAYSIA**

PENERIMA-PENERIMA SIJIL APRESIASI INDUSTRI LEBUH RAYA

PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA

PEGAWAI- PEGAWAI KEMENTERIAN KERJA RAYA

PEGAWAI-PEGAWAI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

KETUA-KETUA SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI/DATO' SRI/DATO'
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT BERSUA DAN MEMERIAHKAN MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA YANG PERTAMA KALI DIANJURKAN OLEH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA SEBAGAI *GOVERNMENT REPRESENTATIVE* DALAM PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN LEBUH RAYA BERTOL DI MALAYSIA. ALHAMDULILLAH SYUKUR JUGA DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA MAJLIS KITA INI DAPAT DIADAKAN SECARA BERSEMUKA DENGAN BERALIHNYA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KEPADA FASA 4 PROGRAM PEMULIHAN NEGARA. WALAU BAGAIMANAPUN ADALAH DIINGATKAN AGAR KITA SEMUA MEMATUHI SOP YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMBENDUNG PENULARAN COVID 19.

2. IZINKAN SAYA TERLEBIH DAHULU UNTUK MENGALU-ALUKAN TETAMU KEHORMAT KITA, YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF, MENTERI KANAN KERJA RAYA ATAS KESUDIAN YANG BERHORMAT DATO' SRI UNTUK HADIR PADA MALAM YANG BERTUAH INI DAN SETERUSNYA AKAN MERASMIKAN MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA SERTA MELANCARKAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) 2022 – 2026 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA. KAMI WARGA INDUSTRI LEBUH RAYA AMAT BERBESAR HATI DAN BANGGA KERANA KEHADIRAN YANG BERHORMAT DATO' SRI PASTINYA DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA HADIRIN UNTUK

BERSUA MUKA DAN MENGENALI YANG BERHORMAT DATO' SRI DENGAN LEBIH DEKAT LAGI.

PENAMPILAN SEORANG PEMIMPIN YANG BERWIBAWA DAN BERJIWA RAKYAT SEPERTI YANG BERHORMAT DATO' SRI PASTI JUGA MEMBERI INSPIRASI KEPADA WARGA INDUSTRI LEBUH RAYA UNTUK TERUS BERDAYA SAING KE ARAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI ATAU PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEMERLANG.

- 2. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SRI DAN JUGA:**
- KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR),**
 - JABATAN KERJA RAYA (JKR),**
 - KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF),**
 - UNIT KERJASAMA AWAM & SWASTA (UKAS),**
 - JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC),**
 - JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ),**
 - POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM),**
 - JABATAN BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA,**
 - JABATAN KETUA PENGARAH TANAH & GALIAN (JKPTG),**
 - LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB)**
 - JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP),**
 - JABATAN ALAM SEKITAR (JAS); DAN**
 - INSTITUT PENYELIDIKAN & KESELAMATAN JALAN RAYA (MIROS)**

KERANA SENTIASA MEMBERI KERJASAMA ERAT, PANDUAN DAN BANTUAN KEPADA LLM DAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI

LEBUH RAYA DALAM MELAKSANAKAN OBLIGASI DAN TANGGUNGJAWAB KAMI. SOKONGAN DAN SUMBANGAN KHIDMAT NASIHAT DARIPADA SEMUA TELAH MEMBANTU KAMI MENINGKATKAN KECEMERLANGAN INDUSTRI LEBUH RAYA DI PERSADA ANTARABANGSA.

4. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA SYARIKAT KONSESI / AGENSI / INDIVIDU YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA.

5. DIMAKLUMKAN JUGA, TERDAPAT 8 KATEGORI ANUGERAH YANG AKAN DISAMPAIKAN KEPADA PENERIMA BERTUAH PADA MALAM INI IAITU:

- (I) “ANUGERAH KEPIMPINAN LEBUH RAYA” YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA TOKOH YANG TELAH MENUNJUKKAN KEPIMPINAN DAN TELADAN DALAM INDUSTRI LEBUH RAYA;**

- (II) “ANUGERAH HERO LEBUH RAYA” BAGI MENGIKTIRAF INDIVIDU / AGENSI YANG TELAH MENUNJUKKAN TINDAKAN DAN KEBERANIAN DI LEBUH RAYA DALAM MELINDUNGI DAN / ATAU MENYELAMATKAN NYAWA / MANGSA KEMALANGAN DAN ASET LEBUH RAYA;**

- (III) **“ANUGERAH INOVASI & KESELAMATAN LEBUH RAYA”** BAGI MEMBERI PENGIKTIRAFAN TERHADAP INISIATIF SYARIKAT KONSESI YANG MEMBERI IMPAK DAN MANFAAT KEPADA INDUSTRI LEBUH RAYA DAN KESELAMATAN TRAFIK;
- (IV) **“ANUGERAH LEBUH RAYA HIJAU”** AKAN DIBERIKAN KEPADA LEBUH RAYA TERBAIK YANG MENGAMAL DAN MENEKANKAN ASPEK KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM SEGENAP PROSES KITARAN PEMBANGUNAN LEBUH RAYA BAGI MEMINIMAKAN IMPAK ALAM SEKITAR SERTA MEWUJUDKAN KESEIMBANGAN EKONOMI DAN SOSIAL;
- (V) **“ANUGERAH *BEST HIGHWAY BRAND COMMUNICATION*”**, PENGIKTIRAFAN INI DIBERI KEPADA SYARIKAT KONSESI ATAS USAHA DAN KOMITMEN MEREKA UNTUK MENYEBARLUAS PERKHIDMATAN, DI SAMPING MENINGKATKAN IMEJ SERTA KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN;
- (VI) **“ANUGERAH PENGURUSAN MAKLUMAT TERBAIK”** ADALAH PENGHARGAAN KEPADA PEMAIN INDUSTRI LEBUH RAYA YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI IR 4.0 ATAU INOVASI DIGITAL DAN TERBUKTI MEMBERI MANFAAT KE ARAH PENINGKATAN PRESTASI DAN KUALITI PENGURUSAN LEBUH RAYA BERTOL DI MALAYSIA;

**(VII) “ANUGERAH REKABENTUK DINAMIK LEBUH RAYA”
AKAN DIBERI KEPADA SYARIKAT KONSESI YANG
MENGHASILKAN REKABENTUK UNIK DAN KREATIF
SERTA MEMBERI SIGNIFIKAN KEPADA PENGGUNA
DENGAN MENGAMBILKIRA PELBAGAI ASPEK SEMASA
PEMBINAAN DAN OPERASI; DAN**

**(VIII) YANG TERAKHIR ADALAH “ANUGERAH INOVASI
TEKNOLOGI PEMBINAAN LEBUH RAYA” MERUPAKAN
PENGIKTIRAFAN KEPADA SYARIKAT KONSESI YANG
MEMPERKENALKAN KAEDAH DAN INOVASI BAHARU
BERIMPAK TINGGI SEMASA PEMBINAAN / OPERASI
LEBUH RAYA MASING-MASING.**

**UNTUK MAKLUMAN, PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH PADA
MALAM INI TELAH DINILAI OLEH JAWATANKUASA PEMANDU
ANUGERAH YANG BERPENGALAMAN DAN BERPENGETAHUAN
TINGGI DALAM BIDANG MASING-MASING DIKETUAI OLEH KETUA
SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA.**

**SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA JAWATANKUASA PEMANDU
ANUGERAH YANG TERDIRI DARIPADA WAKIL KKR, LEMBAGA
PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB), UNIT PEMODENAN
TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU) DAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC).
TIDAK KETINGGALAN JUGA KEPADA JURI YANG TELAH DILANTIK
UNTUK MENILAI PENCALONAN YANG DITERIMA DARIPADA 78
PENYERTAAN.**

YANG BERHORMAT DATO' SRI, YANG BERBAHAGIA DATUK, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

6. PADA MALAM INI JUGA, PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) 2022 – 2026 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA AKAN DILANCARKAN. PELAN YANG DIBANGUNKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN MELALUI INISIATIF PELAN ANTI RASUAH NASIONAL 2019 – 2023 BAGI MENYOKONG USAHA-USAHA KERAJAAN DALAM MEMBANTERAS AMALAN RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA.

7. JUSTERU, SAYA BERHARAP PELAN ANTI RASUAH INI DAPAT DIAMALKAN DAN SETERUSNYA MEMBANTU WARGA LLM DALAM MENANGANI ISU INTEGRITI, AKAUNTABILITI, TADBIR URUS DAN RASUAH YANG KIAN MENCABAR SERTA TERUS MENGEKALKAN LLM SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI YANG BERSIH DAN BEBAS DARIPADA RASUAH.

8. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI MEWAKILI WARGA INDUSTRI LEBUH RAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SRI MENTERI KANAN KERJA RAYA DI ATAS KESUDIAN BERSAMA-SAMA KITA PADA MALAM INI. KEPADA PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH, SAYA MENGHARAPKAN AGAR PRESTASI, KOMITMEN DAN INOVASI YANG DIKETENGAHKAN INI DAPAT DITERUSKAN DENGAN LEBIH CEMERLANG LAGI PADA MASA-MASA AKAN DATANG. ADALAH DIHARAPKAN ANUGERAH PADA MALAM INI

**DIJADIKAN SEBAGAI SUMBER INSPIRASI DAN PEMBAKAR
SEMANGAT KEPADA PENGGIAT INDUSTRI LEBUH RAYA UNTUK
MENJADI YANG TERBAIK DI ANTARA YANG TERBAIK PADA MASA
AKAN DATANG.**

**SEKIAN, WABILAHITTAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

TERIMA KASIH.